KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	18.02.22	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	TNB			

Aktiviti lombong Bitcoin haram meningkat, rampasan RM54 juta

ROMPIN – Aktiviti melombong Bitcoin secara haram di negara ini dikesan meningkat secara mendadak dalam tempoh dua tahun apabila merekodkan nilai rampasan sebanyak RM54 juta pada tahun lalu berbanding RM1.2 juta pada 2020.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Abd. Jalil Hassan berkata, pihaknya mengenal pasti empat negeri paling tinggi yang merekodkan jenayah itu iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Perak.

"Semua negeri itu dikesan mempunyai banyak kawasan perindustrian dan bangunan rumah kedai terbengkalai yang sangat strategik untuk menyembunyikan aktiviti berkenaan.

"Pihak kami dengan kerjasama unit 'Special Engagement Against Losses' atau SEAL daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan sentiasa melakukan pemantauan di lokasi yang disyaki terbabit dengan aktiviti ini," katanya pada sidang akhbar pelupusan barang kes Bitcoin di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.



SEBAHAGIAN mesin perlombongan Bitcoin yang dirampas dilupuskan di Rompin semalam.



ABD. JALIL

Menurut Abd. Jalil, sebanyak 20 fail siasatan membabitkan aktiviti perlombongan Bitcoin secara haram dibuka sepanjang tahun lalu dengan 10 daripadanya sudah dikenakan tindakan mengikut Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA).

Sementara itu, Wan Nazmy berkata, secara umumnya TNB dan kerajaan mengalami kerugian antara RM400 juta hingga RM500 juta setahun akibat aktiviti perlombongan Bitcoin secara tidak sah.